



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

MENARA PERKESO
281, JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
HOTLINE : 1300 22 8000

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 2 TAHUN 2017
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969**

**PEMAKAIAN PENGESAHAN TERIMAAN CARUMAN (ACR) BAGI
BAYARAN CARUMAN MELALUI PORTAL ASSIST PERKESO**

1. TUJUAN

Pekeliling Majikan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua majikan yang berdaftar dengan PERKESO mengenai pemakaian Pengesahan Terimaan Caruman (ACR) semasa membuat bayaran caruman melalui Portal ASSIST PERKESO.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PERKESO memperkenalkan medium caruman baru yang membolehkan majikan mengemukakan jadual caruman dan pada masa yang sama membuat bayaran caruman secara dalam talian (*online*) sepenuhnya menerusi Portal ASSIST PERKESO mulai 1 Januari 2018.
- 2.2 Sebelum Portal ASSIST PERKESO ini diperkenalkan, jadual dan bayaran caruman dibuat oleh majikan dalam pelbagai cara, sama ada menggunakan dokumen fizikal, iaitu Borang 8A/8B, pita, disket, cakera padat, selain melalui perbankan internet dan Portal iPERKESO.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Majikan hendaklah mendaftar bagi mendapatkan ID terlebih dahulu sebelum boleh menggunakan Portal ASSIST PERKESO.

- 3.2 Pendaftaran ID boleh dibuat di mana-mana pejabat PERKESO atau menghantar menerusi emel ke alamat **idportal@perkeso.gov.my** atau pos atau faks ke pejabat PERKESO borang permohonan yang disediakan yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang PERKESO di **www.perkeso.gov.my**.
- 3.3 Menggunakan ID tersebut, majikan boleh login ke Portal ASSIST PERKESO untuk melengkapkan jadual caruman menggunakan format yang disediakan dalam portal tersebut bagi membolehkan penjana ACR sebagai rujukan semasa membuat bayaran caruman sama ada melalui portal, bank pemungut ataupun pejabat PERKESO.
- 3.4 Tanpa ACR, majikan tidak boleh membuat bayaran caruman kerana ianya merupakan penghubung antara maklumat jadual caruman dengan bayaran caruman.
- 3.5 Kaedah mendapatkan ACR ada ditunjukkan dalam carta aliran kerja yang disertakan bersama-sama pekeliling ini. Ianya juga boleh dirujuk dalam laman sesawang PERKESO.


4. PEMAKAIAN

- 4.1 Pengemukaan jadual caruman melalui Portal ASSIST PERKESO dan bayaran caruman menggunakan ACR adalah berkuatkuasa mulai bulan **Januari 2018**.
- 4.2 Selaras dengan itu, majikan tidak lagi dibenarkan mengemukakan jadual caruman secara fizikal di bank pemungut ataupun pejabat PERKESO.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan pekeliling ini hendaklah dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1300 22 8000 atau hadir ke pejabat PERKESO yang berdekatan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 20 Disember 2017



KAEDAH MENDAPATKAN PENGESAHAN TERIMAAN CARUMAN (ACR)

Layari PORTAL ASSIST PERKESO di <https://assist.perkeso.gov.my>



PROSES SEMAKAN PENJANAAN ACR

